



Bank Pilihan Anda

## **BANK RAKYAT AGIH 7,000 PEK BUBUR LAMBUK DI SEKITAR LEMBAH KLANG**

**KUALA LUMPUR, 24 FEBRUARI 2026** – Bank Rakyat meneruskan tradisi edaran bubur lambuk yang memasuki tahun ke-13 penganjurannya pada Ramadan kali ini dengan mengagihkan **7,000 pek bubur lambuk Kampung Baru** yang melibatkan sebanyak **20 kawah** di beberapa buah lokasi di **sekitar Lembah Klang**.

Bank Rakyat dalam satu kenyataan berkata, acara memasak dan mengedar bubur lambuk secara bergotong-royong oleh warga kerja Bank Rakyat menerusi inisiatif kesukarelawanan BaktiRAKYAT tersebut turut disertai oleh Ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Bank Rakyat yang dihadiri oleh **Pengerusinya, Datuk Mohd Irwan Mohd Mubarak dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ahmad Shahril Mohd Shariff**.

“Selari dengan tema Suara Hati sempena Ramadan dan Syawal pada tahun ini, inisiatif tersebut dilaksanakan oleh Bank Rakyat sebagai usaha untuk berkongsi keberkatan dan rezeki bersama komuniti setempat. Pada masa yang sama, ia turut bertujuan memperkukuhkan semangat kebersamaan, keprihatinan dan hubungan silaturahim antara Bank Rakyat dengan masyarakat, khususnya golongan yang memerlukan agar manfaat yang disalurkan dapat dirasai secara menyeluruh.

Bank Rakyat sentiasa berusaha untuk memberi kembali kepada masyarakat melalui penganjuran pelbagai aktiviti kebajikan dan inisiatif tanggungjawab sosial korporat. Kami juga percaya bahawa bulan Ramadan adalah waktu yang tepat untuk mengeratkan jalinan ukhuwah dengan masyarakat yang menjadi tunjang kekuatan operasi kami selama ini,” ujar Bank Rakyat.



Bank Pilihan Anda

Edaran bubur lambuk Kampung Baru tersebut bermula jam **12.30** tengah hari di beberapa lokasi, termasuk perkarangan **Menara Kembar Bank Rakyat, Ibu Pejabat Polis Daerah, Balai Bomba, Stesen Transit Aliran Ringan (LRT)** dan masjid di sekitar Lembah Klang.

**-TAMAT-**